

29 MAY 2003

Effendi-Rangsangan/I

400,000 PETANI DAPAT MANFAAT DARIPADA PAKEJ EKONOMI

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kementerian Pertanian, penerima peruntukan terbesar di bawah pakej ekonomi yang diumumkan baru-baru ini, akan menggunakan wang berkenaan bagi menolong 400,000 petani, nelayan, penternak dan pekebun kecil untuk tempoh 12 bulan akan datang.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi berkata kementerian itu yang akan menerima peruntukan berjumlah RM2.977 bilion telah mengenal pasti projek pertanian, penternakan dan perikanan yang akan diberi bantuan bagi meningkatkan taraf hidup pengusahanya.

Beliau berkata pelaburan yang dibuat itu dijangka menghasilkan pulangan kira-kira RM5 bilion.

Katanya daripada peruntukan yang diterima itu, RM1 bilion akan digunakan bagi menjayakan program Tabung Untuk Makanan, RM500 juta bagi skim kredit mikro yang akan dilaksanakan oleh Bank Pertanian Malaysia, RM300 juta bagi Amanah Ikhtiar Malaysia, RM300 juta bagi memperbaiki kemudahan prasarana pertanian dan RM750 juta untuk membeli kapal menangkap ikan.

"Di bawah kredit mikro, pengusaha jenama baru, tabung industri kecil dan sederhana, sistem penghantaran dan pembangunan prasarana akan menggunakan RM1.277 bilion.

"Di samping itu, RM1.7 bilion yang telah diperuntukkan kepada Bank Pertanian juga akan digunakan di bawah Program Tabung bagi Makanan bagi membolehkan usahawan meminjam sehingga RM5 juta," kata beliau kepada pemberita pada majlis jamuan tengah hari bersama media di Carcosa Seri Negara di sini, hari ini.

Beliau berkata keseluruhan peruntukan itu akan menjana output bernilai RM5 bilion dan memanfaatkan lebih 400,000 petani.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan pakej ekonomi berjumlah RM7.3 bilion bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Kita berpeluang menolong lebih 400,000 orang menambah pendapatan bulanan mereka dengan banyaknya. Pendapatan setiap nelayan akan meningkat daripada RM500 kepada kira-kira RM3,000," kata Effendi.

Beliau berkata kementerian itu bersama 13 agensinya akan segera mengagihkan dana berkenaan melalui Bank Pertanian kepada mereka yang mengamalkan kaedah pertanian moden.

"Wang ini akan hanya diberi kepada mereka yang terlibat dalam pertanian moden. Kami juga akan berusaha menghapuskan orang tengah dengan memasarkan semua hasil pertanian secara langsung," katanya.

Effendi melahirkan harapan agar masyarakat petani memberi sambutan baik terhadap pakej itu dan menyedari bahawa kerajaan tidak pernah mengabaikan nasib mereka.

"Kita hanya ada 12 bulan, dan sungguhpun sesetengah projek akan megambil masa lebih panjang daripada itu, tetapi pakej ini bertujuan menyampaikan wang kepada pengguna, sesuatu yang amat baik dalam keadaan sekarang," katanya.

Beliau berkata sebaik saja projek di bawah pakej ekonomi itu dilaksanakan sepenuhnya, ia dijangka dapat mengurangkan defisit pembayaran dalam bil import makanan negara.

Malaysia mengimport barangan makanan bernilai RM12 billion tahun lepas dengan eksport hanya bernilai RM7 bilion.

-- BERNAMA

SR AZZ SP RON